

## PM ikrar derma organ

**Putrajaya:** Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, semalam menyatakan ikrar sebagai penderma organ, sekali gus memberi harapan kepada lebih 19,000 pesakit yang memerlukan organ di Malaysia.

Perdana Menteri menandatangani borang ikrar itu selepas menghadiri Majlis Perdana Perkhidmatan Awam (MAPP) Ke-14 dan Persada Transformasi Perkhidmatan Awam di sini.

Majlis itu turut disaksikan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr Ali Hamsa dan Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan, Tan Sri Farida Mohd Ali.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah dalam kenyataan berkata, beberapa menteri turut berikrar sebagai penderma organ sebelum ini.

Mereka, termasuk Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Shahidan Kassim; Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr S Subramaniam; Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai; Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed dan Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin.

### **Sumbangan dihargai**

"Kementerian Kesihatan menghargai sumbangan dan sokongan pemimpin negara terhadap kempen derma organ yang dijalankan Kementerian dan saya berharap lebih ramai akan tampil secara sukarela," katanya.

Noor Hisham berkata, ikrar derma organ bererti seseorang melahirkan hasrat untuk menderma organnya selepas meninggal dunia.